

INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijepec.com



RASA DUKA DALAM CERPEN-CERPEN M. NAVIN

THE SENSE OF GRIEF IN M. NAVIN'S SHORT STORIES

Puspavalli Mariappan¹, Karthees Ponniah^{2*}

¹ Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, Perak, Malaysia

Email: pusp20@yahoo.com

² Faculty of Language and Communication, Sultan Idris Education University, Perak, Malaysia

Email: karthees@fbk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 10.05.2022

Revised date: 30.05.2022

Accepted date: 09.06.2022

Published date: 15.06.2022

To cite this document:

Mariappan, P., & Ponniah, K. (2022). Rasa Duka Dalam Cerpen-Cerpen M. Navin. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (46), 133-145.

DOI: 10.35631/IJEPC.746012

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini menerapkan teori rasa-fenomenologi dalam cerpen-cerpen Tamil khususnya yang dikaryakan oleh M. Navin. Kajian ini memfokuskan objektif pertama dan kedua, iaitu mengenal pasti dan menganalisis perasaan duka yang tertera dalam cerpen M. Navin. Pengkaji mengaplikasikan teori rasa-fenomenologi yang diasaskan oleh Sohaimi Abdul Aziz pada tahun 1998. Sohaimi Abdul Aziz menggabungkan dua teori yang berasal dari barat dan timur. Sohaimi Abdul Aziz menggabungkan teori rasa dari timur dan teori fenomenologi dari barat, maka munculnya teori rasa-fenomenologi. Pengkaji menggunakan reka bentuk kualitatif deskriptif untuk menganalisis cerpen-cerpen M. Navin. Pengkaji melibatkan kaedah analisis teks dan kaedah kepustakaan. Pengkaji menggunakan tiga koleksi cerpen M. Navin yang diterbitkan pada tahun 2015, 2018 dan 2020. Judul ketiga-tiga koleksi cerpen tersebut ialah 'Mandai Oodi', 'Boyak' dan 'Uchai'. Pengkaji berfokus pada 25 cerpen untuk menganalisis hasil karya M. Navin. Menerusi analisis ketiga-tiga koleksi cerpen M. Navin, dapat membuktikan bahawa teori rasa-fenomenologi sesuai dan dapat memperlihatkan perasaan watak yang terdapat dalam cerpen-cerpen pengarang.

Kata Kunci:

Cerpen M. Navin, Teori Rasa-Fenomenologi, Kajian Kualitatif

Abstract:

In this study, the theory of sense phenomenology was applied to short stories, namely M. Navin's Tamil short story collections. The first and second objectives of this research are also to identify and analyse the

feeling of grief represented in M. Navin's short stories. Researchers used Sohaimi Abdul Aziz's theory of sense phenomenology, which he developed in 1998. Sohaimi Abdul Aziz combined two theories from west and east. Sohaimi combined the theory of sense from the east and the theory of phenomenology from the west which then emergence into sense phenomenology theory. Researches used a descriptive qualitative design to analyse the short stories. The researcher involved the method of text analysis and literature review in this study. The researcher used three collection of M. Navin's short stories published in year 2015, 2018 and 2020 which titled 'Mandai Oodi', 'Boyak' and 'Uchai'. The researcher focused on 25 short stories, to assess M. Navin wring work. The three short stories by M. Navin, show that theory of sense phenomenology is suitable and can express the feeling of characters in the short stories.

Keywords:

M. Navin Short Stories, Theory Of Sense Phenomenology, Qualitative Studies

Pengenalan

Kesusasteraan dihasilkan pelbagai bentuk bahan seperti novel, cerpen, puisi, drama, sajak dan sebagainya. Menerusi kesusasteraan, pengarang memaparkan perubahan kehidupan masyarakat yang berlaku dalam aspek sosial, politik, ekonomi dan sebagainya. Menurut La Capra 2017, kesusasteraan memperincikan unsur-unsur perasaan, kreativiti, pemikiran yang memfokuskan kehidupan dari segi individu, keluarga dan masyarakat. Berdasarkan iltizam tersebut, pengkaji hendak memfokuskan cerpen-cerpen M. Navin yang menceritakan kehidupan harian masyarakat. Menerusi karya-karya M. Navin, pengkaji hendak memperlihatkan perasaan-perasaan yang diluahkan oleh watak-wataknya.

Bidang psikologi merujuk kepada kajian mengenai minda dan tingkah laku seseorang manusia. Keinginan seseorang berpunca daripada pergolakan emosi. Emosi dalaman seseorang manusia meluahkan perasaan yang tidak sempurna. Individu yang memiliki perasaan negatif seperti marah, sedih dan takut akan cepat berputus asa. Apabila mengalami perasaan negatif, mereka sanggup melakukan tindakan yang tidak normal seperti menyakiti diri, mencederakan diri, malah ada juga yang sanggup membunuh diri. Individu yang berada dalam keadaan sedih sukar untuk mengurus atau mengawal perasan diri dengan baik.

Dengan ini, pengkaji memfokuskan teori rasa-fenomenologi untuk menganalisis hasil karya M. Navin. Teori rasa-fenomenologi (TRF) adalah gabungan daripada dua buah teori dari barat dan timur. Sohaimi Abdul Aziz, seorang pensyarah di Universiti Sains Malaysia (USM) telah mengabungkan kedua-dua teori tersebut dan mewujudkan sebuah teori rasa-fenomenologi pada tahun 1998. Buku 'Rasa-Fenomenologi: Penerapan Terhadap Karya A. Samad Said' menerangkan kandungan teorinya secara jelas dan terperinci. Selain itu, teori rasa-fenomenologi juga diterapkan dalam kajian Nordiana (2014), bagi tujuan mengkaji evolusi emosi watak dalam novel hasil karya Zaharah Nawawi. Sehubungan itu, pengkaji mengaplikasikan teori rasa-fenomenologi dalam karya kesusasteraan Tamil. Pengkaji memfokuskan 25 cerpen Tamil yang dikaryakan oleh pengarang M. Navin. Tujuannya adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis cerpen-cerpen M. Navin yang memperlihatkan rasa duka. Pengkaji memilih tiga buah koleksi cerpen yang diterbitkan pada lingkungan tahun 2015 hingga 2020. Ketiga-tiga koleksi cerpen tersebut ialah 'Mandai Oodi', 'Boyak' dan 'Uchai'.


Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menjurus pada dua objektif khusus untuk mencapai matlamat. Menerusi kajian ini, pengkaji mengenal pasti dan menganalisis hasil karya M. Navin berpandukan pada teori yang diperkenalkan oleh Sohaimi Abdul Aziz. Pengkaji mengaplikasikan teori rasa-fenomenologi dalam proses mengkaji cerpen-cerpen yang diterbitkan dalam koleksi 'Mandai Oodi', 'Boyak' dan 'Uchai'. Pengkaji meneliti ciri-ciri rasa-fenomenologi yang terdapat pada watak-watak yang digunakan dalam cerpen M. Navin. Pengkaji telah menganalisis kebanyakan cerpen daripada ketiga-tiga koleksi tersebut berpandukan pada teori rasa-fenomenologi.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah deskriptif untuk mengenal pasti dan menganalisis perasaan yang tertera dalam cerpen-cerpen M. Navin. Pengkaji menjelaskan teori dalam kajian berdasarkan pada hasil dapatan kaedah deskriptif. Reka bentuk kualitatif sesuai digunakan untuk memahami fenomena atau konsep yang berkaitan dengan kajian (Creawell, 2009). Pengkaji menggunakan kaedah deskriptif untuk mengkaji cerpen-cerpen M. Navin berpandukan teori rasa-fenomenologi secara terperinci. Selain itu, pengkaji turut menggunakan kaedah analisis teks dan kaedah kajian kepustakaan bagi mengumpul data dan maklumat yang berkaitan dengan kajian. Dengan menggunakan instrumen pengekodan, pengkaji meneliti erti-erti halus yang terdapat dalam cerpen-cerpen M. Navin. Pengkaji melakukan pengekodan secara baris demi baris untuk mengenal pasti objektif pertama. Menerusi proses pengekodan, objektif kedua memudahkan pengkaji untuk menganalisis cerpen-cerpen M. Navin berpandukan teori rasa-fenomenologi secara lebih mendalam.

Teori rasa-fenomenologi merangkumi sembilan emosi tetap, iaitu rasa berahi (*srngara*), rasa lucu (*hasya*), rasa duka (*karuna*), rasa berang (*raudra*), rasa wira (*vira*), rasa dahsyat (*bhayanaka*), rasa benci (*bibhasa*), rasa kagum (*adbuta*) dan rasa tenang (*santa*). Antara emosi-emosi tersebut, pengkaji berfokus pada rasa duka yang terkandung dalam cerpen M. Navin. Kelapan-lapan rasa adalah seperti rajah berikut: -



Rajah 3.1: Menerangkan Perhubungan Antara Emosi Tetap Pengarang dan Pembaca Dengan Ekspresi Sastera.

Dapatan Kajian

Rasa duka merujuk kepada situasi atau peristiwa yang sedih. Menurut pandangan Sohaimi Abdul Aziz, rasa duka diluahkan ketika wujudnya situasi yang menyakitkan hati ataupun dalam keadaan kedukaan atau kesengsaraan. Menerusi teori rasa-fenomenologi yang diasaskan oleh Sohaimi Abdul Aziz, rasa duka dapat diperlihatkan dalam situasi seperti perpisahan, kemalangan, kecelakaan ataupun ketika peperangan. Selain itu, kata-kata keras dan perbuatan yang menyusahkan hati juga membolehkan wujudnya perasaan sedih dalam kehidupan seseorang manusia. Pengkaji memberi tumpuan terhadap rasa duka serta menganalisis kewujudan rasa duka dalam cerpen-cerpen M. Navin. Pengkaji memfokuskan situasi yang menimbulkan kesedihan pada watak-watak yang digunakan dalam cerpen-cerpen tersebut.

Jadual 4.1 memperincikan kewujudan situasi rasa duka dalam cerpen-cerpen M. Navin. Dalam ketiga-tiga koleksinya, rasa duka dirakamkan oleh pengarang pada 24 cerpen. Koleksi cerpen 'Mandai Oodi' memaparkan situasi duka pada tujuh buah cerpen. Koleksi cerpen 'Boyak' dan 'Uchai' pula memaparkan situasi kesedihan dalam 17 cerpen keseluruhannya. Menurut pada pengkaji, rasa duka telah digambarkan dalam ketiga-tiga koleksi cerpen tersebut melibatkan pelbagai situasi, watak dan latar mengikut hasil kreativiti M. Navin.

Jadual 4.1 Analisis Penemuan Rasa Duka Dalam Cerpen-Cerpen M. Navin.

Bil	TRF	Tajuk cerpen	Muka surat	Nama koleksi
1	Rasa Duka	Mandai Oodi	17, 21, 22, 23, 25, 27, 28	Mandai Oodi
2		Oli	30, 32, 33, 35, 38, 39,40	
3		Nenjukombu	44, 48, 50, 51, 53, 54	
4		Ilappu	56, 59, 61	
5		Manimanggalam	69	

6	Nondi	73, 77		
7	Kuuli	80, 84, 87		
8	Enaku mun irunthavanin arai	-		
9	Masaj	23, 24, 25, 33, 35	Boyak	
10	Jamal	39, 40, 41, 48, 49		
11	Vandi	50, 55, 56, 57, 58, 60, 61, 62, 63		
12	Boyak	65, 69, 72, 78, 83		
13	Naagam	86, 88, 89, 90, 98		
14	Yaakai	110, 111, 113, 114		
15	Peichi	130		
16	Vellai paapaathi	136, 143, 150		
17	Kalugu	18, 22		Uchai
18	Uchai	40, 42, 43, 47, 48, 49, 50		
19	Cheers	58, 59, 61, 63, 67, 68, 69		
20	Rasan	89		
21	Kanni	97, 103, 106, 108, 110, 111, 112		
22	Bunian	118, 127, 128, 132, 135		
23	Oli pelai	153, 156, 160, 161		
24	Padchi	164, 166, 170, 172, 173, 181, 183		
25	Dragon	184, 186, 187, 189, 190, 191, 204		

Pengkaji memilih cerpen-cerpen M. Navin untuk mengetahui perasaan manusia berpandukan pada teori rasa-fenomenologi. Dapatan kajian memfokuskan situasi-situasi yang menimbulkan penderitaan dalam kehidupan watak-watak yang dikaryakan. Kehadiran rasa duka dalam cerpen bukan sahaja mengakibatkan suasana yang sedih kepada watak, malah kepada pembaca juga. Dengan ini, pengkaji memfokuskan beberapa cerpen untuk memperincikan kelahiran rasa duka.

Cerpen Mandai Oodi

Dalam cerpen ‘Mandai Oodi’, situasi-situasi yang berlaku di restoran pak ciknya telah menimbulkan rasa duka kepada watak budak. Perbuatan watak ‘Vichu’ menyakiti hati watak budak dalam pelbagai situasi. Watak ‘Vichu’ memanggil budak itu dengan nama samaran ‘Karupaddi’ yang membawa maksud hitam pekat. Watak budak itu dipanggil sedemikian kerana berkulit hitam. Nama samaran itu menjatuhkan maruah budak dalam kalangan pelanggan restoran. Petikan berikut menerangkan situasi rasa duka yang dialami oleh watak budak tersebut.

(“Hoi Karupaddi, kupas bawang ini,” kata Vichu lalu menghulurkan bekas yang berisi bawang merah di tangannya. Tidak ada sesiapaupun yang menegurnya. Pak cik juga buat seumpama tidak mendengar apa-apa. Dia beralih dari situ setelah memasukkan duit syiling di dalam laci kaunter bayaran. Mungkin dia menganggap bahawa air mata yang berlinang di pipi saya itu adalah akibat pedih mata ketika mengupas bawang.)

(Mandai Oodi, p.21)

(M. Navin, 2015)

Watak budak berasa sedih dan tidak ada orang yang sanggup menegur watak 'Vichu'. Pak ciknya sendiri juga tidak melakukan apa-apa setelah mendengar gelaran yang digunakan oleh watak 'Vichu'. Watak budak berasa sedih apabila pak ciknya terus berdiam diri tanpa membela nasibnya. Situasi ini menguris hati watak budak. Dia tidak senang hati dengan gelaran 'Karupaddi' yang digunakan oleh watak 'Vichu'. Dia berasa duka apabila mendapati nama gelaran itu menjatuhkan air mukanya.

Dalam situasi lain, watak 'Vichu' memanggil watak budak dengan gelaran 'Karupaddi' di khalayak pelanggan restoran. Pelanggan yang berada di restoran itu tertawa dengan gelaran yang dipanggil oleh watak 'Vichu'. Watak budak terpaksa menahan rasa malu apabila dipanggil dengan nama gelaran sedemikian di hadapan orang ramai. Dalam cerpen ini, watak budak mengalami sedih dan rasa malu akibat nama gelaran yang digunakan oleh watak 'Vichu' semata-mata berdasarkan warna kulitnya. Selain itu, watak budak berasa kecewa akibat tidak ada sesiapa yang datang membela nasibnya dengan menegur watak 'Vichu'. Hasil kajian Juliana Ahmad dan Noriha Basir (2017) menyatakan bahawa penggunaan bahasa memainkan peranan penting semasa berkomunikasi. Dalam cerpen ini, bahasa yang digunakan oleh watak 'Vichu' menyakiti hati watak budak dan menimbulkan rasa malu apabila maruh dirinya diperkecilkan dalam kalangan pelanggan restoran. Pengarang mengaryakan rasa duka yang dialami oleh watak seorang budak dalam cerpennya. Dalam situasi ini, emosi tetap pengarang sama dengan emosi tetap pembaca dan keadaan sedih dapat dijelaskan dengan terperinci. Dalam situasi ini, pembaca juga turut berasa sedih melihat pada nasib watak budak akibat perbuatan yang dilakukan oleh watak 'Vichu'.

Cerpen Oli

Cerpen Oli memaparkan situasi duka yang berlaku dalam kalangan penduduk kawasan Lunas. Dalam cerpen ini, peristiwa kematian bersiri berlaku secara berterusan dan mendadak. Penduduk ladang di kawasan terbabit berasa risau akibat penambahan kes kematian tanpa mengetahui puncanya pada awal. Watak 'Bilakiyan' menuju ke kuil Muni lalu menyembah sambil merayu keampunan agar dapat menebus nasib malang yang menimpa mereka. Watak 'Bilakiyan' percaya bahawa Tuhan sahaja yang mampu menyelamatkan penduduk kawasan Lunas. Ketika berdoa, watak 'Bilakiyan' sanggup melukakan dirinya dengan meletakkan tangan kanannya ke atas pelita api yang bernyala. Sungguhpun dirayu dan didoa, kadar kematian tidak berkurangan, sebaliknya terus meningkat. Pada permulaannya, setiap mayat dikebumikan secara berasingan. Apabila bilangan mayat bertambah, penduduk mengambil keputusan untuk menggali lubang yang besar dan mengebumikan mayat-mayat tersebut sekaligus dengan bantuan jentolak. Lebih-lebih lagi, kawasan tanah perkuburan di pekan Lunas sangat terhad pada ketika itu. Apabila melihat situasi sebegini, penduduk ladang berasa sedih dan cemas menunggu giliran mereka menemui ajal. Sedutan berikut menerangkan situasi rasa duka yang dialami oleh masyarakat Lunas seperti mana yang diceritakan dalam cerpen.

(Dia telah bersujud pada kaki patung Dewa Muni lalu merayu sambil menangis. Dia juga melukakan tangan kanannya setelah bersumpah ke atas pelita yang nyala di situ. Keesokan hari, tidak ada perubahan besar yang berlaku, cuma bilangan kematian sahaja kurang daripada lima menjadi empat. Dahulunya, setiap mayat akan dikebumikan dalam lubang yang digali secara berasingan. Keadaan yang makin memburuk telah mengubahkan semuanya. Dalam tempoh dua hari sahaja, mayat-mayat yang dilonggok telah dimasukkan ke dalam lubang yang besar lalu ditimbus sekaligus dengan bantuan jentolak. Penduduk tidak larat untuk memikirkan punca dan sebabnya. Bilakiyan mengeluh secara diam-diam ketika

memikirkan tuduhan yang dilontarkan ke atas Kuttaikkarar. Nampaknya, sami tidak menghiraukannya. Pada malam itu, terdengar lagi bunyi ratapan yang sama. Manikam yang pulang ke rumah selepas bekerja telah mengadu bahawa penglihatannya menjadi kabur dan tidak dapat melihat apa-apa ketika hendak pergi membuang air kecil. Belum sempat orang di sekeliling menenangkan Manikam, terdengar ratapan di beberapa buah rumah lagi. Mereka turut mengadu masalah yang sama. Seorang demi seorang daripada mereka jatuh pengsan lalu meninggal dunia.

(Oli, p.39)

(M. Navin, 2015)

Watak 'Manikam' terlena di rumah seketika selepas bekerja di ladangnya. Pada masa itu, watak 'Manikam' kehilangan penglihatan. Situasi ini bukan sahaja berlaku untuk watak 'Manikam' malah turut ditimpa oleh beberapa orang penduduk di kawasan kejirannya. Kebanyakan kaum lelaki mengalami kehilangan penglihatan. Situasi ini melahirkan rasa duka dalam kalangan penduduk Lunas. Mereka tidak mengetahui punca berlakunya kematian secara berterusan ataupun sebab hilangnya deria penglihatan. Kejadian kematian berterusan menimbulkan tekanan jiwa kepada warga Lunas. Kaum wanita berasa duka akibat kematian suami mereka. Situasi ini menguris lagi hati warga Lunas.

Kandungan cerpen ini memperingatkan kita tentang situasi penularan wabak covid-19 yang telah melanda seluruh dunia. Penularan covid-19 yang tidak terkawal telah meragut nyawa penduduk dunia secara mendadak. Situasi ini meranapkan hati masyarakat yang kehilangan ahli keluarga dan kenalan mereka. Penyebaran wabak covid-19 mencapai tahap yang maksimum dan menyebabkan kadar kematian meningkat pada setiap hari. Abdul Aziz et.al. (2020) dalam kajiannya menyatakan bahawa wabak covid-19 menjejaskan kesihatan mental masyarakat secara tidak langsung. Selain itu, Mohd Shahremy (2020) dalam kajiannya menyatakan bahawa pengguna media sosial mengalami panik sewaktu penularan wabak covid-19. Hasil kajian ini membuktikan bahawa pengguna media sosial mengalami emosional semasa menyampaikan kiriman teks kepada orang yang tersayang. Sungguhpun tinggal berseorangan ataupun secara berkeluarga, mereka mengalami tekanan psikologi memikirkan musibah yang bakal tiba akibat penularan wabak ini. Tekanan seumpama itu mewujudkan rasa duka dalam kalangan masyarakat. Dalam cerpen Oli juga penduduk berasa sedih apabila kehilangan nyawa berlaku dalam kalangan ahli keluarga. Kedua-dua situasinya memperincikan kesedihan yang meragut nyawa manusia. Pembaca dapat menghayati situasi sebenar seperti mana yang dirasai oleh masyarakat Lunas dalam cerpen tersebut. Sungguhpun sudah melangkah ke fasa endamik, wabak covid-19 masih menimbulkan rasa sedih kepada masyarakat sedunia. Pengarang merakamkan situasi rasa duka dalam cerpennya dengan teknik penulisan yang kreatif. Pembaca dapat memahami kesedihan yang dialami oleh watak dalam cerpen Oli seperti mana yang difikirkan oleh pengarang.

Cerpen Vandī

Cerpen 'Vandi' memperincikan rasa duka yang dilalui oleh watak 'Ramachandran' berdasarkan kejadian yang berlaku di sekolahnya. Watak 'Ramachandran' sering dihina oleh rakan-rakan kelas kerana ayahnya yang bekerja sebagai pembawa kenderaan sampah. Selain itu, kejadian yang berlaku selepas perayaan Deepavali menyakiti hati watak 'Ramachandran' di bilik darjah. Selepas perayaan Deepavali semua murid membawa kuih raya ke sekolah. Begitu juga watak 'Ramachandran', dia membawa biskut sapi ke sekolah. Semua murid meletakkan kuih raya dalam sebuah pinggan untuk diberi kepada cikgu mereka. Namun, cikgu telah

membuang sepinggan kuih raya itu ke dalam tong sampah, hanya kerana 'Ramachandran' telah meletakkan biskutnya sekali dalam pinggan itu. Perbuatan cikgu itu telah mengguris hati watak 'Ramachandran'. Di dalam bilik darjah pula, rakan-rakan kelasnya tidak mahu duduk di sebelah watak 'Ramachandran'. 'Ramachandran' sering terguris hati dan berasa duka dengan perangai rakan-rakan kelasnya. Watak 'Ramachandran' juga pernah ditampar oleh ibu rakan kelas di khalayak semua murid apabila dia terminum air daripada botol milik rakan kelasnya. Kejadian-kejadian ini menimbulkan rasa duka dalam hati watak 'Ramachandran'. Penghinaan yang berlaku pada watak 'Ramachandran' menunjukkan watak-watak sampingan dalam cerpen ini tidak memiliki nilai kemanusiaan. Kajian Sentamarai Punusamy (2018) menjelaskan bahawa nilai kemanusiaan penting dan perlu diikuti dalam kehidupan seharian. Sedutan berikut menerangkan kejadian-kejadian yang mewujudkan rasa duka dalam hati watak 'Ramachandran'.

(Dia meletakkan kuih sapi yang dibuat oleh ibunya sempena perayaan Deepavali dalam pinggan cikgu, namun cikgunya telah membuang semua manisan yang dihidangkan di atas pinggan sebaik sahaja dia berbuat demikian. Apabila dia memberitahu ayahnya tentang kejadian yang berlaku di sekolah itu, dia telah dihadihi sebatang pen berdakwat pada malam itu. Apabila dia menangis bahawa tidak ada rakan kelas yang sudi duduk di sebelahnya, dia diberi sebutir visel sebagai hadiah oleh ayahnya. Apabila dia mengadu kepada ayahnya bahawa dia telah ditampar oleh ibu Visvanathan kerana terminum air yang ada dalam botolnya pula, dia diberi seutas jam tangan analog yang kecil. Setiap keluhannya itu digantikan dengan hadiah oleh ayahnya, maka dia terus mengadu kepada ayahnya tentang segala kemusykilan yang dihadapinya di sekolah.)

(Vandi, p.60)

(M. Navin, 2018)

Melihat pada kisah cerpen ini, pekerjaan ibu bapa dan perbezaan kasta menjadi punca bagi watak 'Ramachandran' merasai kedukaan dalam kehidupan. Dalam cerpen ini, tempat tinggal watak 'Ramachandran' dibahagikan kepada penempatan dua kelompok yang berbeza. Satu Kawasan untuk kelompok 'mekkuchi', iaitu untuk golongan atasan dan satu lagi untuk orang 'kilkuchi', golongan bawahan. Watak 'Ramachandran' tinggal di bahagian 'kilkuchi' dan bapanya bekerja sebagai pemungut sampah. Ibunya bekerja sebagai pemungut najis manusia. Akibat pekerjaan ibu bapa, watak 'Ramachandran' menghadapi tekanan di sekolahnya. Faktor pekerjaan juga menyebabkan golongan atasan pilih kasih ketika bergaul dan memandang rendah terhadap watak 'Ramachandran'. Bagi golongan atasan, pekerjaan yang dibuat oleh ibu bapa bersifat menjijik. Perbezaan berdasarkan pada faktor pekerjaan, kasta dan latar tempat juga menyebabkan watak 'Ramachandran' berasa sedih secara tidak langsung.

Apabila watak 'Ramachandran' mengalami sedih, watak bapa memujuk anaknya dengan kaedah yang baik. Setiap kali watak 'Ramachandran' mengadu tentang masalah yang dilaluinya, ayahnya pula memberi barang kecil sebagai hadiah untuk memesongkan kedukaannya. Pendapatan rendah yang diterima oleh ibu bapa juga menjadi salah satu faktor mengundang kedukaan dalam cerpen ini. Kajian Muralee Raman (2018), membuktikan bahawa isu sosial dalam kalangan masyarakat India turut dipengaruhi oleh faktor pendapatan yang rendah dan kemiskinan dalam kehidupan. Dalam cerpen ini, watak ayah tidak membelikan hadiah baharu untuk anaknya, malah dia mengutipnya daripada bahan buangan penduduk di tempat tinggal itu. Ayahnya tidak mencukupi pendapatan untuk membelikan anaknya hadiah baharu. Seorang ayah sanggup membuat sesuatu untuk menghilangkan kedukaan yang dialami oleh anaknya. Pengarang merakamkan rasa duka yang dilalui oleh watak dalam cerpennya dengan jelas.

Teknik penulisan pengarang telah memikat perhatian pembaca untuk memahami rasa duka yang dialami oleh seorang murid sekolah dalam kehidupannya.

Cerpen Boyak

Cerpen 'Boyak' menggambarkan nasib malang murid kaum Iban yang ketinggalan pendidikan terutamanya dalam Bahasa Inggeris. Watak 'Jetha' selaku seorang guru besar di sekolah pedalaman risau memikirkan nasib malang anak kaum Iban yang tidak dapat menuntut ilmu Bahasa Inggeris dengan sempurna. Kajian Nur Ais Hidayah (2020) memfokuskan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid prasekolah. Sama sepertinya, watak 'Jetha' dalam cerpen ini menegaskan betapa pentingnya murid kaum Iban tidak ketinggalan untuk mempelajari mata pelajaran Bahasa Inggeris. Guru-guru yang ditugaskan untuk mengajar Bahasa Inggeris di kawasan pedalaman Sarawak berasa sukar untuk menyesuaikan diri dengan peskitaraan di sana. Kebanyakan daripada mereka bukannya anak jati Sabah atau Sarawak, sebaliknya berasal dari kawasan Semenanjung. Jika ditugaskan untuk bekerja di kawasan pedalaman, mereka akan memohon pertukaran ke negeri asal. Mereka akan memohon pertukaran ke tempat asal ataupun ke tempat lain, asalkan dapat keluar dari negeri Sarawak. Dengan situasi sebegini, murid-murid di kawasan pedalaman tidak dapat mempelajari Bahasa Inggeris dengan sempurna. Watak 'Jetha' yakin bahawa anak-anak kaum Iban pandai bertutur, menulis dan membaca dalam Bahasa Inggeris jikalau guru-guru melakukan tugas mereka dengan penuh dedikasi. Sedutan berikut menggambarkan situasi duka yang merisaukan watak 'Jetha' dalam cerpen 'Boyak'.

(Mereka berdua agak kecewa dengan sikap guru-guru Bahasa Inggeris yang pernah datang berkhidmat di sana sebelum ini. Disebabkan tidak dapat menyesuaikan diri dengan keadaan di situ, maka guru-guru tersebut bertukar ke sekolah lain. Kesannya, pencapaian murid-murid dalam bahasa Inggeris agak ketinggalan. Mereka berdua sebagai anak bangsa Iban mempercayai bahawa pendidikan merupakan satu-satunya pencetus kemerdekaan dalam kehidupan bangsa mereka.)

(Boyak, p.69)

(M.Navin, 2018)

Dengan adanya penguasaan Bahasa Inggeris, murid-murid mudah menceburi pelbagai bidang dan mampu bersaing dalam pasaran antarabangsa. Oleh sebab itu, watak 'Jetha' memberi layanan yang baik terhadap guru yang akan menjalankan perkhidmatan di negeri Sarawak. Di negeri Sarawak, sekolahnya terletak di kawasan pedalaman. Sekolah tersebut mempunyai 14 orang murid dan tiga orang guru sahaja. Pengajaran dijalankan secara kelas cantuman. Kebanyakan guru yang melapor diri di negeri Sarawak adalah dari Semenanjung Malaysia. Maka, mereka sukar menyesuaikan diri dengan keadaan baharu dan kebanyakan daripada mereka tidak menyukai kawasan pedalaman tersebut.

Di negeri Sarawak terdapat latar geografi dan budaya yang agak berbeza daripada Semenanjung Malaysia. Latar tempatnya kaya dengan sumber perhutanan dan pengairan. Apabila guru-guru menuju ke sekolah di kawasan pedalaman, mereka perlu menyeberangi sungai. Latar tempat yang tidak sesuai dan tidak selamat itu menyebabkan guru-guru menganggap tempat tersebut mampu mengancam keselamatan diri mereka. Wan Afizi Hanafi, Shahrudin Ahmad dan Noraziah Ali (2014) menyatakan dalam kajian mereka bahawa prestasi pencapaian anak-anak orang asli terjejas. Kekurangan dari segi pendedahan dan kursus suai kenal guru baharu yang dijalankan oleh pejabat pendidikan daerah di sana menjadi antara

sebabnya. Menerusi kursus ini, warga guru dapat mengetahui, memahami dan menyesuaikan diri dengan keadaan tempat baharu, terutamanya di kawasan pedalaman. Selain itu, mengetahui adat dan kebudayaan masyarakat kaum Iban juga amat penting kepada mereka. Apabila mendapat pendedahan tentang persekitaran baharu, guru-guru dapat berfokus terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam cerpen 'Boyak', watak guru Bahasa Inggeris tidak didedahkan dengan kursus sedemikian.

Cerpen Kanni

Cerpen 'Kanni' menggambarkan rasa duka yang ditunjukkan oleh watak 'Maari' terhadap kematian anak lembu yang dikasihinya. Kejadian anak lembunya yang dijadikan sebagai binatang korban telah menyakiti hati watak 'Maari'. Anak lembunya telah dikorbankan dalam suatu upacara sembahyang tanpa persetujuannya. Cara penulis mengisahkan situasi perpisahan antara watak 'Maari' dengan anak lembunya itu benar-benar menguris hati pembaca. Watak 'Maari' tidak dapat menerima hakikat malang yang menimpa anak lembunya. Sedutan berikut menerangkan kedukaan yang dialami oleh watak 'Maari' setelah anak lembunya dikorbankan.

("Pada malam tersebut, saya telah datang ke sini untuk melihat lembu peliharaan saya itu. Saya menyusup diri dalam kawasan semak di sini sejak waktu senja lagi walaupun digigit nyamuk. Dalam kegelapan malam bulan baharu hari itu, badannya yang putih kelihatan berseri seperti disadur warna perak. Saya menyaksikan segala upacara yang berlaku itu sambil bersembunyi dalam semak. Terfikir juga untuk melarikan anak kesayangan saya itu jika mendapat kesempatan. Walaupun tidak mampu melarikannya dari situ, sekurang-kurangnya saya boleh merayu kepada sami itu supaya melepaskan lembu kesayangan saya tanpa mengorbankannya. Kalau ikut hati, saya hendak anak saya itu berpaling ke arah saya. Namun ikut akal, takut juga nanti sami itu sedar akan kelibat saya di tempat upacara itu. Sambil mengumat-kamit mantera, sami itu meletakkan kalung bunga ke atas keempat-empat batu berhala yang terdapat di kuil ini. Kemudian, dia mengikat setiap batu itu dengan kain hitam, seolah-olah menutup mata 'Kanni' sebelum upacara pengorbanan dilakukan. Ketika itulah anak peliharaan saya itu mula berdengus.)

(Kanni, p.111)
(M. Navin, 2020)

Pada petang itu, watak 'Maari' menyembunyikan diri di dalam kawasan semak- samun berhampiran kuil yang diadakan upacara pengorbanan itu. Sambil bersembunyi, watak 'Maari' meneliti segala upacara yang dilakukan pada anak lembunya. Anak lembunya berdengus dengan ketakutan sambil melihat di sekeliling. Kawasan sekeliling di sana agak baharu bagi anak lembu itu. Sebelum kepalanya dipancung, dengusan anak lembu bertambah kuat. Kedukaan watak 'Maari' bertambah ketika badan anak lembu kesayangannya rebah ke bawah terputus kepalanya. Pada masa itu, anak lembunya lompat mengengjut-engjut sambil mencari tuannya, iaitu watak 'Maari'. Situasi genting itu mendukakan hati 'Maari' dan membuatnya berasa amat sedih. 'Maari' sukar menerima hakikat tersebut kerana dia telah menjaga anak lembu itu seperti anak kandungnya.

Apabila haiwan kesayangan mati ditimpa kemalangan, penyakit ataupun masalah lain, sudah tentu tuannya tidak boleh terima hakikat tersebut. Dalam cerpen ini, haiwan kesayangan dikorbankan di hadapan mata tuan yang membelanya. Situasi seumpama itu akan meranapkan

hati dan mengganggu emosi tuannya. Wan Zahari Mohamad (2012) dalam kajiannya menjelaskan hubungan antara manusia dengan haiwan kesayangan yang dapat mengurangkan masalah. Keakraban yang tinggi dengan haiwan kesayangan lebih cenderung mengurangkan masalah manusia seperti penyakit kronik dan mengawal stres dengan mudahnya. Dalam cerpen ini, watak 'Maari' mengalami tekanan jiwa akibat kematian anak lembu yang dibelanya. Dia asyik membayangkan detik-detik akhir anak lembunya yang mencari tuan walaupun setelah kepalanya dipancung. Situasi ini benar-benar menguris hati watak 'Maari' apatah lagi dengan hati pembaca sekali. Pengarang berjaya merakamkan situasi yang menimbulkan rasa duka dalam cerpen 'Kanni' ini.

Cerpen Padchi

Cerpen 'Padchi' menjelaskan situasi rasa duka yang dialami oleh watak 'Muthu' apabila mendapati dirinya sukar untuk menyiul bunyi seperti burung 'Manjan'. Apabila kanser tekaknya melepasi tahap serius, watak 'Muthu' sudah tidak larat lagi untuk menyiul bunyi seperti burung 'Manjan'. Watak 'Muthu' mempunyai bakat semula jadi dan kepakaran untuk menyiul bunyi burung-burung yang jarang ditemui di hutan. Watak 'Malik', seorang hartawan dari Brunei telah mendakapi bantuan watak 'Muthu' untuk mencari burung 'Manjan'. Sungguhpun dirinya berduka dengan penyakit barah di bahagian tekak, namun watak 'Muthu' sanggup mengambil risiko untuk mencari burung 'Manjan' di hutan. Sedutan berikut menerangkan kedukaan yang dilalui oleh watak 'Muthu' ketika menyiul bunyi seperti burung 'Manjan'.

(Saya mencari-cari kelibat burung Manjan sambil menyiulkan bunyinya. Namun, saya sedar bahawa bunyinya tidak dapat disiulkan dengan sempurna melalui bibir saya. Kesejukan pada awal pagi itu merimaskan tekak saya. Penyakit barah yang saya alami makin buruk dalam tempoh seminggu itu. Saya menyesal kerana saya tidak mampu menyiul lagi bunyi burung. Saya dapat membayangkan penyakit barah ini umpama seketul buah nanas yang tercekik pada kerongkong dan menyeksakan saya berulang kali. Saya tidak tertahan dengan kesakitan yang saya alami seumpama dicucuk sisik ketika hendak menelan air liur. Saya berasa hampa dengan takdir diri saya. Bunyi untuk memanggil orang pun tidak mampu saya siulkan, apatah lagi untuk memanggil burung.)

(Padchi, p.164)

(M. Navin, 2020)

Ketika mencari burung yang diminta oleh jutawan Brunei itu, watak 'Muthu' mengalami pelbagai kesukaran untuk menyiul bunyi burung. Kesejukan di hutan pada pagi itu menyakitkan tekaknya. Apabila dia cuba menyiul seperti burung 'Manjan', tekaknya mengalami keperitan. Watak 'Muthu' berasa seolah-olah kerongkongnya tercekik dengan sebiji nanas sehinggakan dia tidak boleh bersiul seperti burung. Air liur pun tidak mampu ditelan, bagaimana pula dia hendak menyiul bunyi burung yang unik itu? Kaedah yang digunakan oleh penulis untuk menggambarkan betapa teruknya kedukaan watak 'Muthu' dalam cerpen ini amat mengagumkan.

Dalam cerpen ini, pengarang merakamkan kedukaan yang dialami oleh watak 'Muthu' apabila dirinya tidak dapat menyiul bunyi seperti burung 'Manjan'. Pengarang menyatakan dengan jelas kesukaran yang dialami oleh watak 'Muthu' akibat penyakit barah tekak. Pembaca dapat merasai kedukaan yang dilalui oleh watak 'Muthu' dan

secara tidak langsungnya dapat memahami kesukaran yang dilalui oleh pesakit-pesakit barah tekak. Menerusi cerpen ini, pembaca mampu memahami tekanan mental yang dilalui oleh watak 'Muthu' apabila tidak dapat menyiul bunyi burung 'Manjan'. Cerpen 'Padchi' menggambarkan penderitaan seorang penggemar burung dengan jelas dan terperinci.

Perbincangan

Menerusi analisis karya M. Navin, watak dalam cerpen-cerpen yang dikaji itu mengemukakan perasaan duka yang berkait rapat dengan peristiwa kehidupan seharian mereka. Teori rasa-fenomenologi amat sesuai untuk menganalisis perasaan watak-watak tersebut. Pengarang memaparkan luahan perasaan watak melalui teknik penulisan yang kreatif. Menerusi teori rasa-fenomenologi, pembaca memiliki kemahiran seperti sensitif, imaginatif dan intelek untuk memperhalusi kandungan cerpen-cerpen M. Navin. Berdasarkan analisis, ketiga-tiga koleksi cerpen M. Navin yang dikaji itu memperincikan cabaran hidup yang dilalui oleh masyarakat Tamil dalam kehidupan mereka masing-masing. Pengarang telah menyelitkan perasaan-perasaan yang dilalui oleh watak-watak dalam cerpen tersebut. Selain itu, pengarang juga menyelitkan penggunaan elemen haiwan seperti anjing, lembu dan burung sebagai watak dalam cerpen-cerpen tersebut. Pengarang mewujudkan perasaan duka dalam kalangan watak-watak tertentu dengan berdasarkan pada elemen haiwan. Latar tempat, latar masa dan persekitaran juga menjadi faktor-faktor dalam cerpen-cerpen M. Navin supaya dikaitkan dengan watak sehingga mengalami perasaan duka. Kebanyakan cerpen M. Navin memaparkan perasaan duka (sedih) berbanding dengan aspek emosi lain seperti mana yang disenaraikan dalam teori rasa-fenomenologi.

Kesimpulan

Ketiga-tiga koleksi cerpen M. Navin turut memaparkan perasaan duka dalam pelbagai situasi seperti mana yang dikemukakan oleh Sohaimi Abdul Aziz dalam teori rasa-fenomenologi. Pengarang memaparkan kesedihan menerusi watak yang diceritakan dalam cerpennya. Menerusi watak, pembaca turut merasai kedukaan, empati dan mencapai pengalaman estetik yang ditonjolkan oleh pengarang. Situasi-situasi seperti kedukaan, kematian, penindasan, pembunuhan, penderaan dan sebagainya turut mengguris hati pembaca. Emosi tetap pengarang M. Navin menjadi sehati dengan emosi tetap pembaca menerusi cerpen-cerpen yang dihasilkannya.

Pembaca turut melalui situasi-situasi yang menyebabkan kedukaan seperti pembunuhan haiwan kesayangan, kesakitan tekak akibat penyakit barah, ketinggalan dalam penguasaan Bahasa Inggeris, penderaan golongan atasan terhadap golongan bawahan, kematian mengejut yang berlaku secara berterusan dan menghina budak berdasarkan warna kulit. Situasi-situasi sedemikian dihadapi oleh watak-watak dalam cerpen sehinggakan mengalami rasa duka. Teknik penulisan pengarang dapat memikat hati para pembaca sehingga turut terasa situasi yang dialami oleh watak yang dikaryakan dalam cerpen.

Rujukan

Aziz, A. R. A., Sukor, N. M., & Ab Razak, N. H. (2020). Wabak Covid-19: Pengurusan aspek kesihatan mental semasa norma baharu. *International Journal of Social Science Research*, 2(4), 156-174.

- Creswell, J.W., 2009. Research Design: *Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*, (3rd ed.). Sage publications.
- Hamzah, N. (2014). Evolusi emosi novel Zaharah Nawawi (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Hanafi, W. A. W., Ahmad, S., & Ali, N. (2014). Faktor budaya dan persekitaran dalam prestasi pendidikan anak Orang Asli Malaysia: Kajian kes di Kelantan. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 10(5), 107-122.
- Juliana, A., & Noriha, B. (2017). Nilai kesantunan berbahasa dalam komunikasi pengurusan air muka: Analisis pragmatik berasaskan teori relevans.
- Lacapra. D. (2017). WHAT IS HISTORY? WHAT IS LITERATURE? *History and Theory: Studies in The Philosophy of History*, 56(1), 98-113. Retrieved on April 1, 2021, from <https://onlinelibrary.wiley.com/doi/full/10.1111/hith.12007>
- Mohamed, W. Z., Hamim, R. M., & Rahman, A. A. (2012). Hubungan manusia dengan haiwan dalam warisan perubatan dan kepentingan haiwan dalam aspek pemakanan dan kesihatan manusia.
- Navin, M. (2015). *Mandai Oodi*. Chennai: Sandya Publication
- Navin, M. (2018). *Boyak*. Chennai: Yaavarum Publication
- Navin, M. (2020). *Uchai*. Chennai: Yaavarum Publication
- Nihazram, N. A. H. M., & Masnan, A. H. (2020). Role-play in teaching English as second language in early childhood education. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9, 143-151.
- Punusamy, S. (2018). *Cerpen karya Lelavazhagu dari perspektif nilai kemanusiaan* (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Raman, M. (2018). *Isu sosial masyarakat India dalam cerpen karya Murugiah Muthuveeran* (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Shahbudin, M. S. I. (2020). Kepanikan pengguna media sosial terhadap virus COVID-19. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11, 1-10.
- Sohaimi Abdul Aziz, (1998). *Rasa-Fenomenologi: Penerapan Terhadap Karya A. Samad Said*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.